

BAB 1

PENGENALAN

1.1.1 Pendahuluan

Pertumbuhan fizikal dan perkembangan individu bukanlah bidang khusus untuk satu disiplin ilmu. Ia menjadi tumpuan pengkaji-pengkaji daripada berbagai disiplin ilmu, termasuklah antropologi dan psikologi. Meskipun begitu, pendekatan yang digunakan oleh mereka adalah berbeza. Ahli-ahli antropologi menggunakan pendekatan bersifat '*societalism*' bertentangan dengan ahli-ahli psikologi yang menumpukan kepada '*individualism*' sebagai dasar pengkajian mereka. Dari perspektif ilmu antropologi, pertumbuhan fizikal dan perkembangan individu terkandung di dalam sistem sosial menerusi proses pembudayaan yang terdapat dalam masyarakat. Proses pertumbuhan dan perkembangan individu berlaku dalam keadaan yang berkait iaitu melibatkan suatu proses perubahan fizikal dan pembangunan tingkah laku dan

personaliti.¹ Pembentukan tingkah laku dan personaliti merupakan suatu proses sosial yang dicapai daripada proses pembudayaan menerusi pengaliran pengetahuan dan kemahiran, nilai dan kepercayaan, peraturan sosial dan moral yang terkandung dalam adat resam dan institusi yang terdapat dalam masyarakat.

Kajian tentang hubungan budaya dan tingkah laku mendapat perhatian ahli-ahli antropologi semenjak tahun 1930an. Menurut mereka, tingkah laku individu dipengaruhi oleh budayanya (Benedict: 1935, Mead: 1942, Whiting: 1953, Du Bois: 1960, Kardiner: 1961, dan Linton: 1964). Ahli-ahli antropologi berminat mengkaji bagaimana lingkungan sosial mempengaruhi tingkah laku individu di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangan individu di dalam masyarakat. Fokus penelitian mereka ialah tentang personaliti umum (*modal personality*) atau

¹ Personaliti merupakan kualiti keseluruhan tingkah laku individu iaitu bagaimana individu berfikir, berperasaan, dan keseluruhan persepsiannya yang akan direalisasikan melalui tingkah laku. Menurut Barnouw (1985: 8)

"Personality is a more or less enduring organization of forces within the individual associated with complex of fairly consistent attitudes, values, and modes of perception which account, in part for the individual's consistency of behavior."

dikemukakan oleh Ardiner² dan Wallace³ sebagai '*basic personality*', iaitu ciri-ciri personaliti ideal yang diutamakan oleh masyarakat dan merupakan corak tingkah laku yang telah distruktur dan digariskan oleh sesebuah masyarakat. Ia dapat dilihat pada setiap individu yang hidup dalam masyarakat dan tidak terlepas daripada tuntutan norma dan adat yang terdapat dalam masyarakat tersebut.

Proses pembudayaan berlaku dalam semua masyarakat bagi memastikan kemantapan dan kesinambungan budaya. Walaupun unsur-unsur perubahan sosial menembusi dan merubah struktur sosial tradisi, namun agensi-agensi yang terlibat dalam proses pembudayaan seperti keluarga, sekolah, rakan sebaya dan media massa bertindak sebagai gerak kuasa penstabilan (*stabilising forces*) supaya

² Menurut Kardiner, "*Basic personality structure*' ialah,

"*the effective tools of the individual which are common to every individual in the society.*"

(dipetik daripada Barnouw; 1985:111)

³ Menurut Wallace (1961:149), '*Basic personality structure*' ialah,

"... *the articulation of a large number of components into a structure or pattern. ... Pattern of basic personality structure (National Character) is a set of intricate interrelationships among different aspect of personality or character.*"

nilai-nilai kebudayaan, kemahiran dan institusi yang terdapat dalam masyarakat berkembang dan berterusan dan perubahan tidak berlaku sewajarnya. Keluarga merupakan unit sosial yang paling asas dalam masyarakat dan agensi pembudayaan yang utama di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangan anggota-anggotanya. Ibu bapa mempunyai tugas, hak dan tanggungjawab untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mengenai pengetahuan dan kemahiran, nilai dan kepercayaan, peraturan sosial dan moral.

1.1.2 Permasalahan Kajian

- (1) Pertumbuhan fizikal dan perkembangan sosial anak-anak dalam sistem sosial masyarakat sangat bergantung kepada keluarga dan lingkungan sosial.
- (2) Keluarga adalah agensi yang memainkan peranan penting dalam proses pembudayaan di sepanjang peringkat pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dalam masyarakat.

Pertumbuhan dan perkembangan anak-anak dikaitkan dengan proses sosial yang wujud hasil daripada hubungan bertimbang balik yang dibentuk oleh lingkungan sosial dan proses pendidikan. Keluarga merupakan lingkungan sosial yang pertama dan utama bagi generasi baru menerima pendidikan (Holmes: 1971). Keluarga

memainkan peranan penting dan paling berpengaruh dalam kehidupan anak-anak terutama ketika anak-anak masih berada dalam keluarga orientasi. Semasa berada dalam keluarga orientasi, anak-anak adalah di bawah penjagaan dan perlindungan ibu bapa sepenuhnya. Pada peringkat ini, anak-anak berada dalam lingkungan umur pendidikan dan pengajaran. Mereka dikehendaki patuh kepada kekuasaan ibu bapa. Sementara di pihak ibu bapa, selagi anak-anak berada di bawah penjagaan mereka, menjadi kewajipan dan tanggung jawab ibu bapa untuk mengasuh, membimbang, menegur dan mengawal. Keluarga berfungsi sebagai sumber pengetahuan bagi anak-anak dan tempat penanaman nilai-nilai kebudayaan dan norma yang dijunjung tinggi oleh masyarakat. Dalam masyarakat moden, sumber pengetahuan utama bagi anak-anak bukan semata-mata diterima daripada keluarga tetapi telah diambil alih oleh agensi-agensi lain seperti sekolah, teman sebaya dan media massa (Ogburn dan Nimkoff: 1964). Proses perbandaran dikatakan telah merubah bentuk keluarga, bentuk pekerjaan dan pola perlakuan, dan kesannya turut menyumbang ke arah perubahan fungsi keluarga termasuk fungsi pendidikan dan sosialisasi (Yaacob Harun: 1993).

Unsur dinamik dalam struktur tingkah laku terbentuk hasil daripada ikatan sosial dan jaringan hubungan yang bertimbang balik dalam rangka kehidupan keluarga. Anggota keluarga terikat antara satu sama lain

melalui proses interaksi ketika berkomunikasi. Interaksi dan komunikasi yang terjadi dalam keluarga dipengaruhi oleh pola hubungan antara peranan dalam keluarga. Menurut Burgess dan Locke (1971: 7-8), dalam sistem kekeluargaan tradisi, pola hubungan antara peranan berdasarkan kepada peraturan adat dan nilai-nilai tradisi, dan disokong oleh tekanan adat dan kekuasaan autokratik. Sementara dalam keluarga moden, pola hubungan antara peranan didasarkan kepada pengertian kasih sayang timbal balik dan kesepakatan bersama di antara anggota-anggotanya.

Walau bagaimanapun, perhubungan dan peranan sosial dalam keluarga tidak diperolehi secara spontan atau kebetulan. Tingkah laku setiap anggota keluarga ketika berinteraksi dan berkomunikasi dipengaruhi oleh jangkaan peranan daripada setiap anggota keluarga. Menurut Parsons (1960), struktur asas peranan, jangkaan peranan dan hubungan dalam keluarga adalah berdasarkan perbezaan generasi atau umur dan jantina. Perbezaan generasi atau umur mewujudkan hiraki atau kuasa (superior/inferior) dan perbezaan jantina mewujudkan peranan superior/instrumental dan inferior/ekspresif. Perlakuan sosial dalam keluarga juga merupakan perlakuan yang mengambil kira anggota lain dalam masyarakat. Pola-pola bertindak dalam sistem sosial diinternalisasikan dalam diri anak-anak melalui proses pembudayaan sama ada

secara sedar atau tanpa sedar untuk menjadikannya pola-pola yang mantap dan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan.

1.1.3 Objektif Kajian

- (1) Meneliti proses pembudayaan dalam masyarakat Melayu di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah berdasarkan peringkat pertumbuhan dan perkembangan anak-anak semasa berada dalam keluarga orientasi, iaitu dari peringkat kanak-kanak hingga remaja.
- (2) Memahami peranan keluarga dan agensi-agensi berkaitan dalam proses pembudayaan berdasarkan peringkat-peringkat tersebut.

1.1.4 Bidang Kajian

Dalam kajian ini, pertumbuhan fizikal dan perkembangan anak-anak ketika berada dalam keluarga orientasi digabung dan dibincangkan serentak untuk melihat edaran perkembangan individu dan proses pembudayaan anak-anak dalam keluarga Melayu di Pulau Tuba. Sementara proses pembudayaan dilihat berdasarkan kepada organisasi peranan sosial anak-anak semasa berinteraksi dan berkomunikasi dengan lingkungan sosial yang dihadapinya.

1.1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini berusaha memaparkan realiti kehidupan sosial masyarakat Melayu Pulau Tuba di samping usaha masyarakat tersebut melanjutkan warisan kebudayaan mereka melalui proses pembudayaan.

Hasil kajian diharap dapat menjawab persoalan tentang fungsi keluarga Melayu dalam menurunkan tradisi budaya kepada anak-anak supaya menjadi anggota masyarakat yang fungsional selaras dengan nilai-nilai dominan dalam masyarakat.

1.1.6 Metodologi Penyelidikan

Kerja lapangan dijalankan dengan menggunakan kaedah-kaedah:

- (1) Temubual dan soal selidik
- (2) Pemerhatian ikut serta
- (3) Pengumpulan sejarah hidup

Temubual bersifat formal (*formal interview*) dan soal selidik digunakan untuk mengutip data-data tentang latar belakang tempat kajian termasuklah aspek-aspek kependudukan, persejarahan, pendidikan, maklumat keluarga, dan keadaan sosio ekonomi.

Pemerhatian ikut serta digunakan secara meluas dalam kajian ini. Pengkaji berada di tempat kajian bermula pada 20 April 1991 sehingga 23 Jun 1991, 1 November 1991 sehingga 24 November 1991 dan 14 April 1992 sehingga 27 Jun 1992. Semasa berada di tempat kajian, pengkaji membuat pemerhatian secara langsung ke atas tingkah laku penduduk tempatan dalam setiap aktiviti harian mereka seperti aktiviti ekonomi, aktiviti keagamaan, majlis kenduri dan perkahwinan, upacara kematian dan pengkebumian dan sambutan hari raya korban serta mendengar dan mencatat isi kandungan pertuturan mereka.

Temubual tidak formal (*informal interview*) digunakan sebagai sebahagian daripada proses pemerhatian ikut serta. Ini memandangkan dalam mendapatkan fakta-fakta sosial memerlukan pemahaman (*interpretative understanding*) terutama yang melibatkan aspek nilai, perasaan, pemikiran dan kepercayaan. Selepas pemerhatian dibuat pengkaji menemubual mereka untuk mengetahui makna bagi setiap tindakan mereka seperti makna yang terdapat dalam amalan upacara semasa kelahiran.

Kaedah pengumpulan sejarah hidup (*life cycle*) (Julia G. Crane dan Angrosino; 1974:74) juga digunakan, tetapi tidak semua peringkat hidup diteliti. Hanya peringkat kandungan, sehingga peringkat remaja sahaja

dikesan daripada individu ketika pengkaji berada di tempat kajian.

1.1.7 Masalah-masalah yang Dihadapi

Sudah menjadi perkara biasa, kehadiran orang luar di Pulau Tuba semestinya menjadi tanda tanya dan menimbulkan kecurigaan di kalangan penduduk. Kes ini dialami sendiri oleh pengkaji sehingga pada tahap awalnya pengkaji menghadapi kesukaran untuk menyertai dan mendapat kerjasama mereka. Setelah mereka mengetahui tujuan sebenar pengkaji berada di sana, hubungan mesra dan kerjasama yang baik diperolehi.

Masalah lain yang dihadapi oleh pengkaji ialah kesukaran untuk memperolehi data tentang peringkat hidup anak gadis. Ibu bapa menaruh kesangsian terhadap pengkaji apabila pengkaji mula menyoal tentang anak gadis mereka. Masalah ini bertambah rumit apabila pengkaji berusaha menemubual anak-anak gadis mereka. Ini disebabkan nilai masyarakat yang menghadkan batas pergaulan antara perempuan dan lelaki yang belum berkahwin, tambahan lelaki yang belum dikenali.

Masalah-masalah lain ialah masalah yang sering dihadapi oleh pengkaji-pengkaji lain. Antaranya ialah kesukaran untuk bertemu responden kerana kesibukan mereka

dengan urusan di luar rumah. Kadang kala pengkaji terpaksa berulang alik beberapa kali sebelum dapat berjumpa responden.

Masalah yang tidak kurang pentingnya yang dihadapi oleh pengkaji ialah masalah perhubungan. Pengkaji terpaksa berjalan kaki setiap hari untuk menemui responden kerana di tempat kajian tiada kemudahan pengangkutan awam.

1.2.1 Konsep Keluarga

Burgess, Locke dan Thomas (1971:6-7) mengkonsepsikan keluarga sebagai sekelompok individu yang mempunyai perhubungan dan pertalian darah dan perkahwinan. Anak angkat juga dianggap sebagai anggota keluarga. Mereka tinggal serumah, berinteraksi dan berkomunikasi sesama mereka berdasarkan peranan sosial masing-masing iaitu sebagai seorang suami dan isteri, ayah dan ibu, anak lelaki dan anak perempuan, abang, kakak dan adik serta mengamalkan budaya yang sama. Peranan ini ditentukan oleh masyarakat akan tetapi peranan dalam setiap keluarga juga diperkuat oleh perasaan-perasaan yang sebahagiannya berkembang berdasarkan tradisi dan sebahagian lagi berdasarkan pengalaman daripada anggota keluarga masing-masing.

Hubungan individu dalam keluarga diikat oleh jaringan kewajipan dan hak yang disebut hubungan peranan. Peranan sosial anggota keluarga ditentukan oleh kedudukan dan status individu dalam keluarga. Seorang suami mempunyai hak dan tanggung jawab timbal balik terhadap isterinya dan berperanan untuk memenuhi kewajipan sebagai ayah untuk mendidik anak-anak, mencari nafkah untuk perbelanjaan dan kebajikan keluarga, dan penghubung keluarga dengan masyarakat yang lebih luas.

Anak-anak pula mempunyai tanggung jawab dan dijangkakan untuk mentaati dan menghormati ibu bapa; di masa yang sama berperanan sebagai abang, kakak atau adik kepada adik-adik, kakak atau abang. Setiap anggota keluarga berkewajipan menjalankan peranan masing-masing serta mengetahui dan menjangka peranan anggota-anggota lain berdasarkan kedudukan masing-masing dalam keluarga. Kegagalan anggota keluarga berfungsi dengan berkesan akan menjejaskan kestabilan dan keutuhan institusi keluarga.

1.2.2 Fungsi Keluarga

Keluarga sebagai institusi utama dalam struktur yang membentuk masyarakat. Keluarga bukan sahaja memperlihatkan hubungan di antara anak-anak dengan ibu bapa, tetapi mempunyai pertalian dan jaringan sosial yang lebih luas, iaitu hubungan dengan masyarakat.

Keluarga berfungsi sebagai unit sosial yang mengatur kehidupan individu di dalam masyarakat. Keperluan masyarakat yang begitu kompleks seperti kelahiran, perlindungan dan pengembangan generasi muda dalam kehidupan sosial tidak dapat dipenuhi tanpa dukungan keluarga (Goode; 1964:2). Setiap individu hidup dalam unit keluarga, dan hampir setiap waktu kehidupan individu dilingkungi oleh keluarga. Menurut Geertz (1961: 146), fungsi keluarga dalam masyarakat ialah sebagai jambatan di antara individu dengan budayanya. Keluarga memberi dasar kepada individu untuk mencapai kedudukan yang diterima oleh masyarakat dengan cara menyesuaikan diri setiap anggotanya dengan kehendak dan tuntutan masyarakat.

Sebagai sebuah institusi terpenting dalam masyarakat, keluarga bertindak sebagai unit sosial, politik, ekonomi dan keagamaan. Fungsi keluarga bukan semata-mata menyediakan keperluan dalam penghasilan baka (*reproductive*) tetapi juga memastikan kelangsungan hidup manusia, dengan memelihara anggota masyarakat, menempatkan anak di dalam masyarakat, sosialisasi dan kawalan sosial (Goode; 1965: 5). Ogburn (1958) berpendapat, institusi keluarga mempunyai tujuh fungsi dasar yang menjadi pengikat kepada anggota keluarga tersebut. Fungsi-fungsi itu ialah fungsi ekonomi,

pendidikan, keagamaan, perlindungan, rekreasi, status, dan fungsi prokreatif serta emotif.

Keluarga berperanan untuk memenuhi secara kolektif keperluan ekonomi ahli-ahlinya. Di dalam sebuah keluarga, setiap anggota adalah harta keperluan bagi keluarga. Mereka mempunyai tugas dalam aktiviti ekonomi. Walaupun tidak semua anggota bertindak sebagai unit pengeluaran tetapi dari segi penggunaan melibatkan semua anggota.

Institusi keluarga bertanggung jawab untuk memberi perlindungan fizikal, sosial, ekonomi dan emosi kepada anggota-anggotanya. Tiada tempat lain yang dapat mewujudkan perasaan selamat yang berterusan dan terjamin selain berada di bawah perlindungan lingkungan keluarga, selesa ditegur dan dikritik, berbincang, mendapat keseronokan dan berhibur.

Keluarga bertanggung jawab memberi pendidikan kepada anggota-anggotanya iaitu, mensosialisasikan anak-anak dengan menurunkan berbagai bentuk pengetahuan dan kemahiran budaya supaya dapat menyertai masyarakat, serta menyemai dan memperkuuhkan doktrin keagamaan kepada anggota-anggotanya. Di samping itu keluarga juga memberi asas kepada kedudukan individu dan menyediakan keperluan untuk membentuk kehidupan sendiri dan berkeluarga.

Fungsi-fungsi asas yang dimainkan oleh keluarga seperti yang dinyatakan tadi tidak mungkin dapat dipikul oleh agen-agen lain walaupun ada di antara fungsinya cuba diambil alih oleh institusi di luar keluarga.

1.2.3 Konsep Pertumbuhan dan Perkembangan

Pertumbuhan dan perkembangan menurut ilmu psikologi adalah suatu proses perubahan yang berlaku kepada manusia di sepanjang hayatnya. Menurut Papalia dan Wendkos (1989), pertumbuhan merujuk kepada proses perubahan yang bersifat kuantitatif sementara perkembangan merujuk kepada suatu proses perubahan kualitatif. Perubahan kuantitatif melibatkan perubahan fizikal seperti ketinggian, berat dan saiz. Perubahan kualitatif ialah perubahan yang tidak dapat diukur tetapi dapat dikesan menerusi pola-pola tingkah laku. Perubahan tingkah laku merupakan suatu proses perubahan yang berlaku akibat tindakan yang saling berkait, di antara perkembangan fizikal dengan pendidikan. Walau bagaimanapun, bagi ahli antropologi, perubahan peringkat fizikal tidak dilihat sebegitu penting. Ia cuma dilihat sebagai pengukuran peringkat hidup, iaitu petanda-petanda peralihan dari satu peringkat ke satu peringkat dalam proses pembudayaan. Menurut Fortes (1971), apa yang lebih penting ialah melihat pertumbuhan dan perkembangan

individu dalam sistem sosial melalui pendidikan yang terdapat dalam masyarakatnya.

1.2.4 Konsep Pembudayaan

Pendidikan bertujuan membangunkan potensi biologi individu untuk menjadi anggota masyarakat, iaitu menempatkan individu ke dalam sistem sosial dengan menyertai masyarakat secara berkesan dalam sistem interaksi sosial.

Menurut Swift, pendidikan ialah:

"... is the way the individual acquires the many physical, moral and social capacities demand of him by the group into which he is born and within which he must function."

(1969: 8)

Individu dalam sesebuah masyarakat perlu menerima pendidikan untuk dapat hidup dalam masyarakat, dan seterusnya memainkan peranan yang berkesan untuk mempertahankan struktur asas masyarakat; iaitu dengan memelihara nilai-nilai asas yang dipandang tinggi dan institusi sosial yang penting serta memindahkan nilai-nilai tersebut kepada generasi seterusnya.

Proses perkembangan dan pendidikan sehingga individu mampu mengurus dan mengatur kehidupannya sebagai anggota masyarakat, dimaksudkan sebagai proses sosialisasi. Menurut Clausen;

"The study of socialization focuses upon the development of the individual as a social being and participant in society."

(1968: 3)

Menurut Elkin, sosialisasi ialah;

"... the process by which someone learns the ways of a given society or social group so that he can function within it."

(1972: 4)

Konsep sosialisasi digunakan secara luas oleh ahli-ahli antropologi budaya, sosiologi, dan psikologi. Ia juga melibatkan proses yang kompleks dan berlaku di sepanjang hidup individu. Menurut Child;

"Socialization is a broad term of the whole process by which an individual develops through transaction with other people his specific patterns of socially relevant behaviour and experience."

(1969: 474)

Di kalangan ahli-ahli antropologi sendiri timbul masalah dan wujud perbezaan dalam usaha mendekati proses ini (Goslin, 1969, Levine; 1973, Child; 1969). Mereka melihat proses yang kompleks ini daripada aspek dan sudut pandangan yang berbeza. Malahan terdapat beberapa pengkaji berusaha mengemukakan istilah yang lebih sesuai dan jelas bagi mengatasi istilah sosialisasi yang dikonsepsikan secara kolektif. Antaranya, Kluckhohn (1939) mencadangkan istilah 'culturalization', merujuk kepada proses pemindahan nilai, kepercayaan dan aspek kognitif dalam budaya. Sears et al. (1957) pula mengemukakan istilah '*child rearing*'. Pemeliharaan kanak-kanak (*child rearing*) merujuk kepada semua interaksi antara ibu bapa dengan anak-anak. Interaksi ini termasuklah penyataan sikap, nilai, minat dan kepercayaan serta amalan penjagaan dan tabiat-tabiat tertentu dalam melatih dan mendidik anak-anak.

Herskovits (1946) memperkenalkan konsep 'enculturation' bagi membezakan dengan konsep sosialisasi. Herskovits (1969: 326) melihat proses ini daripada dua aspek yang berbeza. Proses perkembangan individu menjadi anggota masyarakat dikenali sebagai sosialisasi apabila ia hanya mementingkan soal pengintegrasian individu dalam masyarakat, tetapi apabila ia mementingkan penekanan nilai-nilai dan norma budaya dalam jiwa individu, proses ini dikenali sebagai

pembudayaan (*enculturation*). Menurut Herskovits (1969: 327), pembudayaan berbeza dengan sosialisasi kerana pembudayaan lebih mengutamakan proses yang berlaku pada tahap awal kehidupan individu, sedangkan sosialisasi melibatkan proses yang berlaku di sepanjang kehidupan individu. Ini selaras dengan pendapat Cara E. Richards yang mengatakan;

"The process of teaching the young belief and traditions of the society is called enculturation and the process of teaching the young how to get along in the group is called socialization."

(1977: 216)

Menurut Duncan (1979: 205) pula, sosialisasi melibatkan proses pembudayaan, komunikasi dan pembelajaran di mana melaluinya individu dapat menjalani kehidupan sebagai anggota masyarakat.

Oleh itu, sosialisasi dan pembudayaan adalah proses yang sama iaitu proses individu dididik menjadi anggota masyarakat tetapi dilihat dari aspek yang berbeza. Penulis bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh Duncan di atas, dan untuk kajian ini sosialisasi-cum-pembudayaan dilihat daripada aspek status dan peranan. Oleh itu dalam tulisan ini, pembudayaan dimaksudkan sebagai proses individu mempelajari peranan sosial. Mempelajari peranan sosial meliputi proses

penerimaan pengetahuan dan kemahiran, pembentukan moral, nilai dan kepercayaan, dan penghayatan unsur-unsur tersebut serta cara membiasakan diri dengan lingkungan sosial yang berbeza, iaitu keluarga, saudara mara dan masyarakat. Ini selaras dengan pendapat David A. Goslin yang mengatakan;

"Socialization refers to the process whereby individuals learn to play various social roles necessary for effective participations in the society: that is, how they acquire the knowledge, skills and dispositions that enable them to perform in accordance with the expectations of others as they move from position to position in the social order over time . . ."

(1969: 6)

Pada hakikatnya, individu perlu mengetahui peranan sosial (*social role*) supaya tingkah laku dalam keluarga dapat disusun. Peranan sosial ialah tingkah laku yang dijangkakan dari setiap individu berdasarkan kedudukan sosialnya (*social status*). Menurut Burgess, Locke dan Thomas (1971: 236), peranan ialah, "... an organization of behaviour in response to group expectation . . ."

Kedudukan individu dalam rangka kehidupan sosial adalah berdasarkan kepada koleksi status. Setiap individu menduduki berbagai status dalam keluarga iaitu

sebagai suami-bapa, isteri-ibu, anak perempuan-kakak-adik, anak lelaki-abang atau adik. Menurut Kenkel (1973:402), setiap status dihubungkan dengan beberapa kelompok peranan (*role cluster*); seorang lelaki bukan sahaja berperanan sebagai suami kepada isterinya, malah memainkan peranan sebagai bapa kepada anak lelaki, bapa kepada anak perempuan, bapa kepada anak yang masih kecil dan bapa kepada anak remaja. Sepanjang peringkat kehidupan (*life cycle*), daripada bayi kepada kanak-kanak, dan kemudian dewasa, daripada anak remaja, berkahwin menjadi suami atau isteri dan menjadi bapa atau ibu, individu mengalami perubahan status dan setiap status melibatkan set perhubungan baru.

Menurut Kenkel;

"In reality, then, then family enters a new stage of its life cycle every time there is a change in its role complex."

(1973: 403)

Pembudayaan adalah proses yang kompleks, meliputi peringkat-peringkat perkembangan kehidupan yang teratur dan lengkap. Peringkat hidup (*life cycle*) bermula dalam kandungan, dan selepas kelahiran meliputi zaman kanak-kanak, zaman remaja dan zaman dewasa. Apabila seseorang memasuki tingkat baru dalam kehidupan, maka dia memasuki lingkungan fizikal dan sosial yang

baru. Peralihan dari satu peringkat ke satu peringkat biasanya disertai upacara lingkaran hidup (*rites de passage*). Walau bagaimanapun tidak semua peringkat peralihan dianggap penting. Hanya peringkat peralihan penting diadakan ritual dan kenduri sebagai tanda simbolik dan tanda kesyukuran (Bank DJ, 1983: 158). Saat-saat peralihan dari satu peringkat ke satu peringkat juga dianggap penuh dengan bahaya, oleh itu upacara yang bertujuan mensuci dan mendamaikan hati makhluk ghaib perlu dijalankan (James Danandjaja, 1985: 19). Yang lebih penting ialah, peralihan peringkat hidup juga melibatkan penukaran penting pada status dan peranan individu. Perubahan peranan melibatkan perubahan dalam setiap aspek kehidupan meliputi perlakuan, pemikiran, tanggung jawab, hak dan jangkaan masyarakat. Individu perlu menyesuaikan diri dengan setiap peringkat hidupnya supaya sistem interaksi dalam masyarakat tidak terganggu.

Dalam proses pembudayaan, individu diajar tentang nilai-nilai asas masyarakatnya dan ditekankan mengamal tabiat dan tingkah laku yang selaras dengan nilai moral masyarakat supaya dapat membuat penyesuaian sosial. Mereka disedarkan tentang nilai malu, takut, hormat, hutang budi, taat, budi bahasa, tata tertib dan amalan keagamaan (Tham Seong Chee; 1979: 94).

Melalui proses pembudayaan individu dilatih dalam berbagai asas pemikiran, perasaan dan perlakuan (David, Allison, 1965: 40). Alat proses berfikir yang terpenting dalam budaya ialah daya tanggapan (persepsi), yang membina world view, nilai dan kepercayaan. Pengetahuan yang luas dalam berbagai perkara dapat membentuk pertumbuhan personaliti individu dengan cara menyesuaikan pengetahuan itu dengan tingkahlaku dan diperkayakan lagi dengan pengalaman (*social experience*).

Pembudayaan merupakan proses melengkapkan individu dengan berbagai bentuk pengetahuan, kemahiran dan keahlian berbentuk praktikal (*practical skills*) untuk keperluan harian dan untuk menghadapi zaman dewasa, meliputi bidang ekonomi, politik dan sosial (Kenkel; 1973: 155-156). Latihan dalam bidang ekonomi adalah set yang penting untuk individu memainkan peranan dalam masyarakat (Herbert Berry et all.; 1972: 382). Individu dilengkapkan dengan berbagai kemahiran praktikal berdasarkan pengkhususan yang wujud dalam masyarakat.

Perbezaan atas garis jantina dan umur sangat menonjol dalam pembahagian peranan dan tugas. Menurut Linton;

"The division of the society's members into age sex categories is perhaps the feature of greatest importance for establishing participation of the individual in culture."

(1945: 63)

Lelaki lazimnya dihubungkan dengan peranan *instrumental* sebagai pencari nafkah keluarga dan membuat keputusan (Elder G.H. Jr.; 1961: 145) sementara perempuan mempunyai peranan *ekspresif* sebagai '*homemaker*' (Parson dan Bales; 1960). Terdapat tugas-tugas tertentu diberikan kepada wanita dan ada yang lainnya pula diberikan kepada lelaki, walaupun mana-mana jantina mampu melakukan tugas-tugas tersebut tetapi masyarakat dan budayanya telah menentukan pengkhususan tersebut.

Sepanjang proses untuk individu mengetahui kerangka kehidupan masyarakat dengan mengatur dan mengurus kehidupannya sebagai anggota masyarakat, beberapa teknik pendisiplinan digunakan sebagai mekanisma kawalan sosial yang berkesan. Ia bertujuan untuk memupuk atau menekan sifat-sifat tingkah laku sama ada yang hendak dikembangkan atau hendak dihilangkan. Terdapat berbagai teknik digunakan untuk mengawal tingkah laku anak-anak dan untuk memindahkan nilai, kepercayaan dan kemahiran kepada mereka, antaranya ialah dengan cara memberi ganjaran (*rewarding*), pujukan (*inciting*),

pengajaran (*instructing*) dan hukuman (Whiting et al.; 1966: 40).

1.3 Keluarga dan Proses Pembudayaan

Keluarga mempunyai tanggung jawab memberi pertolongan dengan cara mengambil berat dan mengenakan kawalan ke atas pertumbuhan fizikal dan perkembangan anak bagi mencapai tingkat kedewasaan. Kedewasaan ialah masa seseorang individu berkeupayaan hidup berdikari, berkahwin dan memikul tanggung jawab ke atas dirinya, keluarga dan masyarakat.

Sebagai institusi sosial, tanggung jawab keluarga yan paling menonjol ialah membentuk, mengatur dan menyusun kehidupan individu menjadi anggota masyarakat atau "menjadi orang" (*person*). Orang (*person*) menurut Rudie (1994) ialah individu yang memiliki identiti sosial, iaitu seorang anggota masyarakat yang mengikuti norma dan nilai sosial kelompoknya berdasarkan kepada pembahagian peranan sosial dan status yang berbeza.

Keluarga mempunyai matlamat dan harapan yang tinggi supaya anak-anak menjadi orang yang baik. Orang yang baik tidak semestinya seorang yang sempurna, tetapi

orang yang baik mampu mengikut nilai-nilai asas masyarakat dan berperanan berdasarkan kedudukan masing-masing. Dengan andaian bahawa apabila berlaku interaksi secara bersemuka seseorang individu tahu bagaimana bertingkah laku, iaitu melibatkan nilai dan norma, perasaan, tanggapan, kedudukan dan status diri.

Menurut Zainal Kling (1976), jangkaan nilai terhadap anak ialah **membuat baik atau jadi baik**. Ciri-ciri personaliti yang dinilai baik ialah kompleks budi, adat dan malu. Anak yang baik ialah anak yang berbudi, beradat dan tahu malu. Menurut Abu Hassan Othman (1970) ciri-ciri personaliti yang dihormati ialah perangai baik, pandai mengawal percakapan, rajin bekerjasama dan rendah diri.

Rangka perhubungan dalam masyarakat Melayu diikat oleh nilai hormat dan budi. Budi adalah kualiti hati dan akal. Hati dan akal adalah dua unsur penting bagi manusia. Hati melahirkan segala jenis perasaan sama ada baik (hati perut) seperti kasih sayang, simpati atau buruk seperti mengikut kehendak nafsu (ikut hati). Akal pula adalah anggota yang membolehkan manusia berfikir. Tuntutan berbudi adalah untuk menghalang individu daripada bertindak mengikut kemahuan sendiri (ikut hati). Oleh itu individu dituntut supaya menggunakan akal dan berfikir sehingga tahu menimbang di antara sesuatu yang

baik dengan yang buruk sebelum melakukan sesuatu perkara. Budi terpancar melalui tindakan dan tingkah laku seperti budi bahasa, budi pekerti, sopan santun dan beradab. Sementara itu sistem status yang terdapat dalam masyarakat menyebabkan kualiti sosial seseorang individu tidak sama. Sistem ukuran dalam pemeringkatan individu menyebabkan kedudukan tinggi rendah dalam masyarakat. Individu yang menduduki tingkat yang rendah perlu memberi penghormatan kepada mereka yang menduduki tingkat sosial yang lebih tinggi. Hubungan merendah diri dan tanda hormat ditunjukkan dengan tingkah laku seperti nada suara, sistem panggilan, laras bahasa dan pergerakan anggota badan.

Kegagalan individu menurut rangka atau aturan pergaulan yang telah ditetapkan berdasarkan kedudukan dan peranan masing-masing menyebabkan individu dikatakan kurang ajar dan biadab. Kurang ajar juga dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa memberi tunjuk ajar.

Keluarga merupakan agen yang pertama dan utama dalam membentuk peribadi dan sikap supaya dapat membuat penyesuaian sosial seterusnya menghadapi cabaran hidup dalam masyarakat. Ibu bapa menjadi guru dan sekolah yang pertama kepada anak-anak. Mereka bertindak melahirkan minat, kecenderungan, dan haluan anak-anak.

Menurut Holmes;

"... it is in the family that man first learn to walk, to talk and to function as a human being. It is where he learns the values that will influence his behaviour all his life as he deals with greater society. And it is where one acquires his self-image and his goals and his ideals of what he himself will someday seek in the way of a spouse and a home."

(1971: 358)

Setiap individu hidup dalam keluarga dan kebanyakan jangka masa hidupnya dilingkungi oleh keluarga. Ibu bapa juga mempunyai masa yang lebih bersama anak-anak di rumah berbanding agen-agen di luar keluarga. Keluarga mengawal dan mengatur tingkah laku anggota-anggotanya setiap masa dan tetap berusaha mengenakan kawalan sosial walaupun ada di antara anggota-anggotanya meninggalkan rumah. Keluarga berfungsi memberi contoh dan tunjuk ajar sebagai satu usaha untuk melanjutkan warisan kebudayaan. Kebanyakan sifat peribadi anak-anak yang diperolehi daripada keluarga akan dibawa sehingga mereka dewasa. Ibu bapa menjadi model peranan kepada anak-anak.

Anak-anak mendapat kasih sayang dan perlindungan secukupnya dari keluarga. Fungsi emotif yang terdapat dalam keluarga memberi kekuatan untuk

anggota-anggotanya memberi dan menerima pertolongan dan perlindungan yang terjamin dan berterusan. Melalui saluran keluarga, individu lebih mudah menerima keyakinan dan kepercayaan daripada setiap anggotanya. Anak-anak lebih selesa ditegur dan dikritik oleh keluarga. Pola kekuasaan, ketaatan dan nilai hormat yang terdapat dalam keluarga memberi kekuatan kepada ibu bapa memberi pendidikan yang lebih berkesan kepada anak-anak dan anak-anak mempunyai keharusan untuk patuh menerima tunjuk ajar.

Proses pembudayaan paling berpengaruh dan berkesan pada tahap kanak-kanak kerana ibu bapa memberi pertolongan paling aktif. Menurut Tham Seong Chee (1979) tahap penting dalam proses sosialisasi orang Melayu ialah ketika individu masih bergantung kepada ibu bapanya dalam hampir setiap aspek kehidupannya. Pengalaman hidup pada tahap ini menjadi dasar dalam pembinaan personaliti individu semasa dewasa kelak. Selepas tahap kanak-kanak, keluarga akan beransur-ansur kurang kepentingan sehingga individu bersedia dan berkeupayaan mengambil alih peranan orang dewasa dan mencapai tahap kematangan sosial. Kematangan sosial ialah tahap keupayaan individu untuk menggantikan generasi bapa, melahirkan anak dan mensosialisasikan generasi baru (Fortes; 1971: 83).

Kehidupan dalam keluarga orientasi penting bagi menimba pengalaman untuk berdikari dan menghadapi masyarakat yang lebih luas. Dalam pembentukan keluarga asas, ibu bapa menggunakan pengalaman proses pembudayaan yang diterimanya sebagai pedoman untuk mendidik anak-anaknya. Pengalaman budaya yang berbeza oleh suami dan isteri sebelum mereka berkahwin akan dicantumkan bagi mewujudkan satu pola perlakuan budaya yang khusus bagi keluarga yang dibentuk bersama kemudiannya (Yaacob Harun; 1993: 4). Pola perlakuan juga bergantung kepada tujuan hidup setiap keluarga dan lazimnya ditentukan oleh ukuran keluarga sama ada keluarga tersebut mementingkan nilai-nilai keagamaan atau sebaliknya. Ukuran hidup setiap keluarga adalah berbeza tetapi disebabkan keluarga bertindak sebagai unit sosial asas dalam masyarakat maka ia tidak jauh berbeza dengan tuntutan dan ukuran masyarakat.

1.4 Kajian tentang Proses Pembudayaan dalam Masyarakat Melayu

Sehingga kini masih sedikit kajian mengenai hubungan budaya dan personaliti dalam masyarakat Melayu dilakukan. Kajian yang bersifat empirikal sehingga kini dilakukan oleh Abu Hassan Othman (1971). Kajian beliau ialah mengenai proses sosialisasi individu di Kampung Selemak, Negeri Sembilan. Beliau menjelaskan tentang

proses pengasuhan dan pendidikan ke atas individu supaya dapat menerima nilai budaya dan tradisi komuniti. Beliau menghuraikan peringkat sosialisasi yang dialami oleh individu dari sejak lahir sehingga meninggal dunia. Turut dijelaskan juga tentang upacara-upacara penting yang dilalui dalam tempoh tersebut dan peranan agama dalam proses sosialisasi individu.

Fraser (1960) pula, menghuraikan tentang kehidupan individu dan hubungannya dengan sistem sosial berdasarkan enam peringkat kehidupan iaitu kehamilan dan kelahiran, bayi dan kanak-kanak, baligh dan keremajaan, perkahwinan, kedewasaan, dan orang tua dan kematian. Beliau menghuraikan tentang upacara-upacara yang berlaku di setiap peringkat dan perbezaan status peranan pada setiap kali berlaku pertukaran peringkat hidup.

Zainal Kling (1976) menghuraikan tentang proses transmisi budaya kepada generasi baru dalam masyarakat Melayu Saribas di Sarawak. Dalam kajiannya, beliau menjelaskan tentang penurunan dan penerimaan nilai sosial, pengetahuan dan kemahiran oleh individu sehingga berkeupayaan memainkan peranan sosial sebagai orang dewasa. Beliau juga menghuraikan tentang matlamat sosialisasi dan jangkaan nilai masyarakat Melayu Saribas ke atas seorang anak. Tumpuan diberikan kepada perubahan

status dalam proses lingkaran hidup iaitu melibatkan tiga fasa utama; kelahiran, berkahwin dan kematian.

Heather Strange (1971) membincangkan tentang lingkaran hidup masyarakat tani di Rusila. Dalam kajian beliau, dijelaskan tentang peranan wanita Melayu di sepanjang tempoh kehidupan di samping upacara-upacara yang berlaku dalam proses lingkaran hidup.

Tham Seong Chee (1979) menjelaskan tentang aspek latihan yang dialami oleh anak terutama pada peringkat anak masih mendapat perlindungan daripada keluarga. Antara aspek latihan yang disentuh ialah dari aspek moral dan peranan kejantinaan.

Wilder (1970) dalam kajiannya di sebuah perkampungan di Pahang menganalisa tentang proses perubahan status dan perbezaan sosial yang dialami oleh individu sepanjang proses lingkaran hidup. Tumpuan kajian beliau ialah perkembangan status jantina, peranan dan tingkah laku yang berkaitan dengan ekonomi dan kepercayaan agama. Swift (1965), menyentuh secara ringkas tentang sosialisasi ekonomi dan keagamaan dalam masyarakat tani di Jelebu. Sementara Wazir Jahan Karim (1992) membicarakan tentang perbezaan sosial di kalangan wanita Melayu berdasarkan sistem adat Melayu.

Kimball (1975) dalam kajiannya di perkampungan Melayu di Brunei memberi tumpuan kepada sistem tingkah laku menyerang (*aggression*). Beliau membuat penelitian berdasarkan tujuh tahap lingkaran hidup iaitu anak baru keluar, anak damit, anak, orang muda, orang besar, orang tua dan tua benar.

Kebanyakan kajian tentang hubungan budaya dan pesonaliti, menumpukan kepada tahap-tahap lingkaran hidup (*life cycle*) dan upacara-upacara yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut serta beberapa sistem tingkah laku dan disiplin asas sahaja. Para pengkaji kurang memberi tumpuan terhadap aspek pengisian dan kandungan budaya yang diterima oleh individu, meliputi pengetahuan dan penurunan kemahiran, pendidikan tentang nilai dan kepercayaan serta moral yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat sehingga mempengaruhi tingkah laku individu dalam kehidupan sosialnya. Kajian ini sekurang-kurangnya dapat mengisi sebahagian daripada aspek pengisian dan kandungan budaya yang dimaksudkan itu.